

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMK 314 – Karya Terpilih Kesusasteraan Arab Moden**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Bincangkan secara ringkas sumbangan **mana-mana dua** (2) pengarang di bawah di dalam perkembangan sastera Arab moden.

- a) Taha Husayn
- b) Naguib Mahfouz
- c) Tawfiq al Hakim

(25 markah)

2. Pilih **dua** (2) daripada cerpen di bawah dan bincangkan persoalannya.

- a) "Lelaki dan Ladangnya", oleh Yusuf Sharouni.
- b) "Beg Pakaian yang Hilang", oleh Abdel-Moniem Selim.
- c) "Musim Panas", oleh Zakaria Tamer.

(25 markah)

3. Pada penelitian anda, siapakah sebenarnya watak Mustafa Said dalam novel *Seasons of Migration to the North*, hasil karya Tayeb Salih.

(25 markah)

4. Meskipun muncul sebagai watak yang bertanggungjawab terhadap keluarga, Nafisah dalam novel *Bermula dan Berakhir*, karya Naguib Mahfouz adalah juga watak yang rendah moral. Jelaskan.

(25 markah)

5. Bincangkan persoalan yang terdapat dalam novel *Men in the Sun*, karya Ghassan Kanafani.

(25 markah)

6. Drama *Men in the Cave*, hasil karya Tawfiq al Hakim merupakan adaptasi daripada "Surah Al-Kahfi" yang terdapat di dalam Al-Qur'an dengan melakukan beberapa pengubahsuaian. Huraikan.

(25 markah)

7. Pilih hanya satu (1) puisi yang tersenarai di dalam lampiran A. Ulaskan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair.

(25 markah)

**Lampiran A****Kesalahan Hidup**

Kerana Tuhan puasa sembahyang  
sesudah menerjuni kancah  
pelesiran dan kelucahan  
teman mengingkari minatnya berbuat baik  
setelah mematangi keseronokan  
keburukan demi keburukan  
sekali rebah (4)  
Allah menyelamatkannya  
dari aneka rebah.

Duhai insan menghadapi kegelapan!  
apakah yang kausembunyikan?  
pandanganku tentang kebenaran  
bisa melahirkan masadepan urusanku  
sebelum ini  
kiranya aku kurang berpelesir  
rebutlah keseronokan itu (8)  
jika kausudi  
hasilah ia pada insan lain.

Arak! selamat tinggal ya! sebelum pertemuan  
tak pernah mengecap rasa  
meski cenderungku padanya  
akal menyeru daku  
untuk pancaran kilauan hidayat  
kupatihi seruan  
biarlah kelazatan diriku mati (12)  
tanpa perasaan sesat.

Duhai insan  
 ingin menauladani kebaikan diriku!  
 aku bukan pakar pelesir  
 sebahagian kesesatanku  
 aku tak pernah terpesong  
 pada idaman pelesiran  
 kalbuku menderita hingga keras bak *silām* \*  
 aku tidak mengadu padamu (16)  
 setelah mengalami perpisahan 'tau kejauhan.

Doaku  
 moga Allah menyembuhkan buruk hati pencinta  
 kalau mereka berhasrat  
 kusanggup jadikan diri  
 tebusan demi pencinta  
 cinta utusan keburukan  
 menyeru pada si jahil semata  
 lantas mereka menegas: itulah kecabulan (20)  
 kebenaran tak mengenal kecabulan.

Duhai pencinta keterlaluan!  
 cinta kebenaran lebih agung  
 kalau kaumahu bercinta  
 pastikan demi kebaikan  
 tegahku padamu  
 jangan terpengaruh nafsu yang tidak kautahu  
 putera-puteri Nil membenci sungguh (24)  
 cinta keburukan.

\* Batu

Meski kubenci hari lampauku  
aku masih berharap, kiranya kembali lagi  
itulah hari penuh pengajaran  
bisa menjadi penawar hatiku  
jika pada masa lalu kumenderita  
kini, bahagia kutatang  
keburukan menimbun (28)  
buat penawar kejahatan.

Salah kutempuh pada hari silam  
penyebab kubersedih dan putus asa  
Tuhan Maha Mengetahui  
segala kesalahan hidupku  
moga Ia menyembuhkan derita jiwaku ini  
moga Allah . . . (32)  
adakah Allah . . .  
sudi mengampun dosa salahku!?

Oleh: Taha Husayn

**Pekekkan Pejuang**

Aku tidak akan hidup memencil diri  
 Aku tidak akan hidup dibelenggu  
 Aku mempunyai masa depan  
 Besok aku akan merangkak  
 Kerana menentang penjajahan dan perampas  
 Aku tidak takut ribut taufan yang  
 memusnahkan masa depan  
 Dan puting beliung yang melatarkan kehancuran  
 yang menghitamkan.

Aku tidak takut bom, senapang, pisau dan pedang  
 Aku memiliki kebenaran yang besar  
 aku akan lakukannya besok  
 Akulah pengrevolusi yang besar  
 yang melaung untuk menghancurkan taufan  
 dan kebinasaan  
 Aku jauh dari tanah airku  
 Negaraku di sana  
 Kemuliaanku dan tempat perhimpunan rakyat

Aku dibesarkan di bumi pahlawan  
 dan mempunyai kemuliaan  
 Waktu kecilku mempunyai setegok harapan  
 di atas bukit aku berpagi-pagi  
 Jiwa mudaku bersemangat juang  
 Aku memikul senjata kerana perjuangan.

Kepahlawananku tumbuh di sana  
 dan subur di bawah embun  
 Pekekkan bangsaku tidak akan di sia-siakan  
 dan tidak akan terkubur bersama hilangnya suara.  
 Ia sentiasa bersama kelopak mata meraka  
 dengan penuh gerun dan menakutkan.

Tanah airku di sana  
 Aku tidak akan memencilkan diri kerananya  
 Aku akan menebusnya  
 Aku akan mengembalikannya  
 sebagai tanah air yang mulia.

Besok aku akan gegarkan dunia  
 Aku akan menawan tentera penjajah  
 Aku berjanji dengan anak bangsaku  
 jauh sekali aku melupai janji.

Oleh: Harun Rashid (Palestin)  
 (Terjemahan: Ustaz Abdul Wahab Awang Kechik)  
 Dipetik dari Majalah *al - Qirāat wa - Nusūsul - Adabiah*  
 Juzuk Ke-2, Dis. 1990, h. 223 – 224.